

# Pemborong getah didenda RM250,000

Merasuah pegawai SPRM sebanyak RM589,450 yang menyamar sebagai penyelia unit khas TNB

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

## ALOR SETAR

Seorang pemborong getah didenda RM250,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis selepas mengaku bersalah memberi suapan berjumlah RM589,450 kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara Ogos 2021 hingga Februari lalu.

Hakim Harmi Thamri Mohamad menjatuhkan hukuman itu terhadap Th'ng Kean Kai, 33, selepas membuat pertimbangan sewajarnya terhadap



Kean Kai didenda RM250,000 oleh Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Khamis.

rayuan tertuduh.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut dan wang suapan berkenaan turut dilucutkan hak serta diserahkan kepada perbendaharaan negara.

Mengikut kertas pertuduhan pilihan, tertuduh telah memberi suapan wang tunai berjumlah

RM589,450 kepada pegawai SPRM, Ranveer Singh Ranjit Singh yang menyamar sebagai ejen provokasi dan kesalahan itu didakwa dilakukan antara 26 Ogos 2021 hingga 28 Februari 2022 di Bandar Sungai Petani.

Suapan itu sebagai balasan agar tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas tertuduh kerana mencuri arus elektrik.

Tertuduh dengan pegawai SPRM itu kemudiannya mula berhubung dan mereka telah mengadakan enam pertemuan termasuk di sebuah hotel di Sungai Petani.”

Oleh itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak sampai sepuluh tahun atau denda atau kedua-duanya.

Bersandarkan fakta kes, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama SPRM pada Februari 2021 telah mengesan kegiatan mencuri arus elektrik bagi tujuan melombong mata wang kripto dengan maklumat diperolehi menyatakan terdapat individu cuba memberi suapan kepada pegawai-pegawai TNB bagi memastikan kegiatan itu tidak diganggu.

Berikutan itu, seorang pegawai SPRM ditugaskan menjaja ejen provokasi dengan me-

nyamar sebagai individu berjawatan penyelia sebuah unit khas TNB.

Tertuduh dengan pegawai SPRM itu kemudiannya mula berhubung dan mereka telah mengadakan enam pertemuan termasuk di Sungai Petani.

Dalam setiap pertemuan tersebut, tertuduh didakwa telah menyerahkan wang tunai bernilai antara RM28,000 hingga RM215,000 dengan jumlah keseluruhan wang yang diserahkan tertuduh kepada pegawai SPRM tersebut berjumlah RM589,450.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib dan Kean Kai kemudian membayar denda terabit.